Kajian kestabilan cerun di kawasan Genting Highlands

QALAM AZAD ROSLE

Kawasan Genting Highlands dan kawasan sekitarnya merupakan kawasan dengan topografi yang berbukit bukau dengan cerun yang berkecuraman tinggi dan amat terdedah kepada berlakunya kegagalan. Secara amnya geologi kawasan didasari oleh batuan metasedimen di sebelah timur dan batuan igneus di sebelah barat. Beberapa ujian kejuruteraan, terutamanya yang membabitkan cerun-cerun yang terdiri daripada bahan-bahan terluluhawa (tanah/tanih) telah dilakukan. Kajian keatas profil luluhawa dilakukan pada beberapa singkapan terpilih di sepanjang jalan menuju ke pusat peranginan Genting Highlands dan kawasan berhampiran berdasarkan kepada cerun-cerun semulajadi dan potongan. Secara amnya bahan-bahan tanah/tanih yang melapisi permukaan cerun di kawasan kajian terdiri daripada bahan terluluhawa yang bergred V–VI, yang terletak di atas batuan bergred II–IV. Terdapat juga cerun-cerun yang terdiri daripada gabungan di antara kedua-dua bahan batuan dan juga tanih. Lapisan bergred V–VI ini mempamerkan ketebalan yang pelbagai dari senipis 0.5 m hingga lebih daripada 10 m di beberapa kawasan. Sejarah menunjukkan kegagalan cerun berlaku pada kedua-dua jenis cerun ini, iaitu potongan dan semulajadi. Kegagalan cerun-cerun potongan di kawasan kajian kebanyakanya berlaku pada bahan bergred V–VI yang berketebalan rendah di atas bahan (batuan) yang secara relatifnya lebih segar. Fenomena yang sama juga ditunjukkan oleh cerun-cerun semulajadi namun dengan tambahan faktor ciri-ciri (morfologi) cerun berkaitan. Suatu aspek lain kajian yang juga telah dilakukan adalah geomorfologi kawasan kajian, di mana kasawan Genting Highland ini menunjukkan ciri-ciri jenis rupabumi yang rumit dengan faktor had kestabilan masing-masing yang tertentu.

Warta Geologi (Newsletter of the Geological Society of Malaysia), Vol. 23, No. 2, March-April 1997
Copyright © 2017 by Geological Society of Malaysia (GSM)